

KEPENTINGAN PENGUASAAN KECERDASAN EMOSI (EQ) PELAJAR LUAR BANDAR : HARAPAN DAN CABARAN DALAM PEMBENTUKAN MODAL INSAN BERJIWA KELAS PERTAMA

Siti Sarawati Johar

Pusat Pengajian Kemanusiaan & Komunikasi,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, MALAYSIA
sarawati@uthm.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini lebih tertumpu pada perbincangan kepentingan penguasaan kecerdasan emosi (EQ) dalam kalangan pelajar luar bandar bagi suatu dimensi pendidikan yang lebih bersepadu dalam pembentukan modal insan berjiwa kelas pertama. Perbincangan adalah dari segi takrifan kecerdasan emosi, impak, kerangka konseptual, harapan dan cabaran. Pemisahan jarak antara luar bandar dengan bandar telah mewujudkan suatu konotasi yang nyata berbeza yang diukur dari pandangan kasar sekaligus membawa nilai budaya yang turut berbeza dari beberapa sudut. Kejauhan seolah membuatkan pelajar luar bandar kurang mendapat pendedahan dan kurang pengalaman sehingga membawa impak secara psikologikal dari segi pembangunan emosi sendiri dan komunikasi yang pragmatis. Hal ini turut seolah menampakkan mereka kelihatan agak rendah diri dan malu menghadapi persaingan yang berkompitif sehingga menenggelamkan potensi yang telah ada dalam diri masing-masing dalam menghadapi arus globalisasi yang semakin mencengkam. Maka kesannya kecerdasan emosi tidak seimbang dengan kecerdasan intelek yang memungkinkan pelajar luar bandar terus dalam dunia masing-masing dan kurang menyerlah untuk menghasilkan kesinambungan ilmiah dan rohaniah. Oleh itu, keperluan memiliki kecerdasan emosi adalah sama penting dengan penguasaan kecerdasan intelek bagi mencapai suatu keseimbangan yang sebenar dalam kehidupan. Kekuatan kecerdasan emosi mampu membawa kekuatan dalaman yang menampilkan personaliti lebih unggul serta berkeupayaan memperlihatkan pelajar luar bandar boleh berdiri sebagai seorang warganegara yang tinggi jati diri dan berani menghadapi kompetitif dunia luar sekaligus bijak menangani cabaran. Pemilikan utuh kecerdasan emosi dalam diri pelajar luar bandar juga akan mampu merealisasikan harapan negara untuk mewujudkan modal insan yang berjiwa serta berminda kelas pertama. Nilai positif yang terbina melahirkan masyarakat yang bercirikan nilai murni sebagai asas kukuh kehidupan yang bersifat sejagat di samping penguasaan ilmu yang membawa kesinambungan kegemilangan tamadun negara bangsa.

PENDAHULUAN

Ketuaan dunia adalah seiring dengan kewujudan generasi demi generasi yang pada suatu tempohnya pernah dilihat sebagai proses evolusi kehidupan manusia berdaya proaktif. Proses itu dihadapi dengan pelbagai elemen kemampuan manusia khususnya secara mental dan fizikal. Dalam suatu rentetan waktu yang panjang, manusia yang berkemampuan tinggi pada otak dan pemikirannya dikagumi semua dan dijadikan idola sepanjang hayat atas kepelbagaian strategi dan penciptaan yang mampu menggegarkan teknologi dunia. Kemampuan yang dimalarkan pada kekuatan berfikir yang cerdas memungkinkan kemampuan yang lain dimarginalkan sehingga wujudlah ruang-ruang yang kosong pada suatu yang lebih mendalam sifat dan ciri-cirinya iaitu jiwa dan perasaan. Kejurangan yang wujud antara minda dan jiwa mengakibatkan kemajuan masa lalu memberikan seribu makna dan pengajaran untuk ia dibugar kembali dalam rentak dan nafas yang baru agar pengertiannya dapat dihayati bersama untuk generasi yang akan datang. Untuk itu, kecerdasan emosi atau EQ di masa kini mula diberikan perhatian khusus akan fungsi dan peranannya dalam kehidupan manusia dalam usaha memperbaiki senario hakikat kepincangan yang memungkinkan kesudahan negara yang memiliki rakyat berjiwa dan berminda kelas pertama. Emosi merupakan satu perkataan dari bahasa Greek iaitu *emover*

yang bermaksud 'untuk keluar'. Emosi dipamerkan oleh setiap individu dalam bentuk tindakan dengan tujuan untuk memenuhi kepuasan diri individu itu sendiri dan ia boleh dikatakan sebagai satu keadaan di mana perasaan yang ditunjukkan pada proses fisiologi dan psikologi seseorang individu itu (Mahmood Nazar, 1990). Ringkasnya, emosi merupakan satu set tindak balas automatik, *viseral* dan komunikasi emosi seperti ekspresi muka, perkataan, tingkahlaku dan isyarat yang dipamerkan oleh individu itu. Peter Salovey (Universiti Harvard) dan John Mayer (Universiti New Hampshire) merupakan antara pakar psikologi yang mula memperkenalkan kecerdasan emosi (EQ) pada tahun 1990. Kemudiannya pada tahun 1995, Daniel Coleman pula menulis sebuah buku dengan tajuk 'Emotional Intelligence'. Seiring itu, manusia semakin terdedah dengan konsep dan kepentingan kecerdasan emosi (EQ) dalam kehidupan.

KONSEPTUAL KECERDASAN EMOSI (EQ)

Dalam terminologi ilmu psikologi, emosi telah lama dibincangkan dan dikaji dari pelbagai skop kajian sama ada dari segi fungsi dan kepentingannya walaupun tidak secara langsung membicarakan tentang konsep kecerdasan emosi. Emosi turut dilihat sebagai antara cabang utama dalam domain pendidikan manusia dan ia juga merupakan suatu pasak yang utuh untuk menjadikan tiap saat manusia lebih bermakna dengan adanya kumpulan pelbagai perasaan yang menyulam nafas sedih, gembira, bahagia dan tenang di dalam hati. Apabila terma kecerdasan emosi mula mengambil tempat dalam hasil-hasil penulisan dan perbincangan ilmiah beserta penilaian tentang keperluannya yang sama penting dengan kecerdasan intelek, maka dunia semakin menerima kenyataan bahawa untuk menjadi manusia yang berjaya dengan ungkapan sebenar-benar berjaya, bukan sahaja memerlukan kecerdasan intelek akan tetapi juga perlunya elemen-elemen kecerdasan emosi yang tersusun dengan pelbagai kategori. Meskipun semua manusia dilahirkan memiliki hati dan perasaan, akan tetapi tidak semua mampu untuk mengendalikan dimensi hati mengikut acuan yang bersifat kemanusiaan. Hal ini sinonim dengan kata-kata ungkapan Plato iaitu "emosi hanya dimiliki oleh manusia, namun tidak semua manusia memiliki kemanusiaan".

Takrifan emosi ini membawa implikasi utama dari segi pendidikan anak-anak di rumah, sekolah sehinggalah apabila anak-anak keluar ke tengah masyarakat sebagai ahli masyarakat dan warganegara sesebuah negara. Apabila emosi difokuskan sebagai suatu elemen yang penting dalam domain pendidikan, maka lahirlah istilah kecerdasan emosi (EQ). Kecerdasan emosi lebih dilihat sebagai suatu himpunan kemampuan mental yang membantu setiap individu untuk mengenal pasti serta memahami perasaan sendiri dan perasaan orang lain. Kecerdasan emosi akan mampu membantu meningkatkan keupayaan setiap individu untuk mengawal perasaan. Menurut Kamus Dewan, emosi adalah bermaksud perasaan pada jiwa yang kuat (seperti sedih, marah dan lain-lain). Manakala menurut Oxford Advanced Learners' Dictionary (1995) pula, dinyatakan bahawa emosi adalah sebagai suatu perasaan yang kuat dan mengandungi pelbagai jenis perasaan seperti kasih sayang, keriang, benci, takut, cemburu, keseronokan dan gangguan pada perasaan. The Oxford Dictionary of Current English (1986) pula menerangkan emosi sebagai perasaan yang kuat dari dalam terutamanya daripada aspek mental dan naluri. Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi (EQ) adalah kebolehan untuk mengawasi emosi diri dan emosi pihak lain, dapat membezakan kebaikan, dan dapat menggunakan maklumat untuk membantu fikiran serta tindakan seseorang. Pada tahun 1996 pula, Goleman mengatakan bahawa kecerdasan emosi (EQ) adalah kebolehan seseorang memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan dalam kehidupan seharian. Bagi Thorndike (1920), kecerdasan emosi manusia adalah berkaitan dengan konsep kecerdasan sosial. Para ilmuwan psikologi kemudiannya telah mengkategorikan ia kepada tiga fasa iaitu fasa kecerdasan abstrak iaitu kebolehan untuk memahami dan memanipulasi tindakbalas dan simbol matematik. Kedua, fasa kecerdasan yang konkrit iaitu kebolehan untuk memahami dan memanipulasi objek dan yang ketiga adalah fasa kecerdasan sosial iaitu kebolehan untuk memahami dan berhubung dengan manusia (Ruisel, 1992). Thondike (1920 : 228) mendefinisikan kecerdasan sosial sebagai kebolehan memahami dan mengurus manusia lelaki, perempuan dan kanak-kanak untuk berhubung secara berkesan dalam hubungan sesama manusia. Beliau turut elah mengkategorikan kecerdasan emosi kepada dua bahagian yang utama iaitu interpersonal (emosi yang berhubung dengan orang lain) dan intrapersonal (emosi yang berkaitan dengan perhubungan dengan diri sendiri).

Kecerdasan emosi juga dapat diertikan sebagai sejenis kecerdasan sosial yang bertanggungjawab untuk mengawal satu dan pelbagai emosi, untuk mendiskriminasikan emosi tersebut dan menggunakan maklumat untuk mengawal pemikiran dan tindakan (Mayer & Salovey, 1993:433). Berdasarkan pendapat Salovey & Mayer (1990) ini, kecerdasan emosi interpersonal dan intrapersonal dikategorikan kepada lima domain utama iaitu mengenal diri, mengurus emosi sendiri, memotivasikan diri, empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan. Empati dan mengendalikan hubungan yang berkesan adalah dikategorikan dalam kecerdasan interpersonal sementara tiga lagi iaitu mengenal diri, mengurus emosi dan memotivasikan diri adalah di dalam kategori intrapersonal. Bagi Dr. Cary Cherniss (2001), beliau mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kemampuan melihat (*perceive*), melahirkan (*express*), dan menguruskan (*managed*) emosi diri sendiri dan emosi orang lain. Bar-On (1996) pula mendefinisikan model '*emotional intelligence*' yang diperkenalkannya sebagai satu keupayaan yang berkaitan dengan emosi dan pengetahuan sosial yang mempengaruhi kemampuan seseorang untuk menghadapi cabaran persekitarannya dengan lebih berkesan dalam jangka masa yang berterusan.

Model kecerdasan emosi (EQ) merangkumi lima aspek utama, iaitu:

- Kesedaran terhadap diri (*Self-awareness*).
- Keupayaan mengurus emosi diri (*Self-regulation*).
- Motivasi (*Motivation*)
- Empati (*Empathy*).
- Kemahiran sosial (*Social skills*).

i) Kesedaran Terhadap Diri Sendiri (*Self-awareness*)

Kesedaran terhadap diri atau sedar emosi sendiri adalah membawa pengertian pada kebolehan individu untuk mengawal diri (perasaan) ketika berhadapan dengan sesuatu situasi. Kebolehan ini kemudiannya berupaya membantu individu untuk membuat keputusan yang kongruen dengan pegangan atau nilai dalam dirinya. Secara tidak langsung, ia juga membolehkan seseorang individu itu membuat penilaian pada dirinya secara lebih adil dan realistik. Individu yang memiliki kelebihan ini akan sentiasa menyedari kekuatan dan kelemahan dirinya, bersikap terbuka apabila menerima maklum balas daripada orang lain dan bersedia untuk sentiasa belajar daripada kesilapan dan pengalaman yang dilalui. Keyakinan diri pula adalah satu sifat keberanian yang datang dengan penuh keyakinan hasil daripada keupayaan terhadap kesedaran sendiri iaitu kebolehan, susunan nilai dan matlamat diri.

ii) Mengurus Emosi Diri (*Self regulation*)

Keupayaan untuk mengurus emosi diri sebenarnya terbina atas sebab kesedaran terhadap diri, ekspresi emosi dan niat. Individu yang dapat mengawal emosinya mampu melaksanakan sesuatu tugas dengan mudah dan tenang. Kemampuan dalam mengurus emosi juga membantu individu memulihkan kesedihan emosi dengan lebih mudah dan berkesan. Agak jelas, individu yang berjaya mengurus emosi diri akan mudah bebas daripada kitaran emosi yang sarat dan kritikal. Individu itu juga mampu untuk mengimbangkan emosinya menggunakan pemikiran rasional bagi mengelakkan wujudnya konflik.

iii) Motivasi Kendiri (*Motivation*)

Motivasi diri pula merujuk kepada kecenderungan emosi yang berupaya untuk menggerakkan dan memandu individu itu ke arah pencapaian matlamat. Motivasi juga membantu manusia mengambil inisiatif yang berlipat ganda dan gigih berusaha untuk memajukan diri serta tabah dalam menghadapi kesedihan mahupun kegagalan. Individu yang tinggi tahap motivasinya akan lebih mudah dalam pelaksanaan apa juga hal dan lebih terancang dalam membuat sesuatu penilaian yang realistik serta tidak mudah berputus asa. Marginal tahap motivasi yang tinggi menjanjikan kejayaan dalam hidup.

iv) Empati Kendiri (*Empathy*)

Empati pula merupakan suatu keupayaan seseorang untuk mengenali, memahami dan menyelami emosi orang lain sehingga boleh memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap perasaan orang lain. Manusia

kebiasaannya tidak dapat menyembunyikan lakaran dan rasa hati kerana ia akan mudah diekpresikan melalui raut wajah, nada suara dan bentuk senyuman. Oleh itu, individu yang mempunyai tahap empati yang tinggi mampu untuk menterjemahkan perasaan orang lain sekaligus membawa kesedaran untuk menguruskan situasi emosi ini dengan cara yang sewajarnya.


v) **Kemahiran Sosial (*Social Skills*)**

Kemahiran sosial turut merupakan antara elemen bersifat interpersonal yang melibatkan kebolehan mengurus emosi orang lain dalam perhubungan secara lebih berkesan dan sentiasa bersedia dengan situasi sosial serta interaksi yang mesra dengan orang lain. Kemahiran ini memberikan kelebihan kepada seseorang itu dari segi memujuk, berunding dan menyelesaikan pebalahan dengan individu lain supaya kerjasama secara berpasukan dapat diwujudkan dan diamalkan. Individu yang menguasai kemahiran ini akan mencapai kepuasan dalam perhubungan sosial dan berjaya dalam bidang yang diceburi.

Model Kecerdasan Emosi Goleman – Noriah (2007)

KONSTRUK INTRAPERSONAL

KONSTRUK INTERPERSONAL



RAJAH 1 : MODEL KECERDASAN EMOSI

Merujuk pula pada Model Kecerdasan Emosi (EQ) Goleman-Noriah, terdapat 7 elemen yang dibahagikan kepada empat pecahan utama iaitu Pengurusan Kendiri, Pengurusan Manusia, Kesedaran Spiritual dan Kematangan. Setiap satunya berfungsi sebagai pengukuh dalam pemantapan EQ seseorang individu, contohnya elemen pengurusan sendiri yang lebih kepada penelitian tentang bagaimana manusia sedar dengan perasaan dan emosi yang dialami sendiri, sedar bagaimana untuk mengawal perasaan yang negatif dan juga sedar bagaimana untuk memotivasikan diri sendiri.

Bagi pengurusan manusia pula, perlu adanya nilai empati yang berupaya untuk merasa apa yang orang lain rasa serta kemahiran sosial yang membolehkan individu itu berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain tanpa sebarang masalah. Bagi elemen kesedaran spiritual pula, nilai kerohanian yang berteraskan pegangan agama dapat membantu membersihkan hati dan jiwa seseorang agar dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan tuhan, alam sekeliling dan sesama manusia. Elemen yang terakhir adalah menyentuh tentang kematangan. Ini dapatlah disinonimkan dengan keperluan setiap individu untuk menjadi matang pada waktu dan keadaan yang seharusnya untuk bersikap serta berfikiran matang. Seandainya setiap manusia dapat mengaplikasikan segala bentuk elemen ini dalam kehidupan, pasti kita akan mampu melahirkan modal insan yang berjiwa kelas pertama sebagai penyambung warisan.

Kecerdasan Emosi Dari Perspektif Islam

Jika dilihat dari perspektif Islam itu sendiri, kecerdasan emosi sebenarnya lebih kepada pembersihan hati. Kemestian untuk memelihara hati agar tidak busuk dan tidak rosak sangat-sangat dituntut dalam agama. Dengan hati yang baik, maka lahirlah nilai kecerdasan emosi yang baik. Hati akan jadi kotor apabila manusia melakukan dosa sehingga jadilah hati itu sehitam-hitamnya dan segelap-gelapnya. Akibatnya, manusia yang tidak belajar apa-apa dari hidupnya dikatakan seperti telah mengalami kebutaan pada mata hatinya, malahan telinga juga pekak kerana tidak mahu mendengar ajaran-ajaran yang baik. Nabi Muhammad SAW pernah bersabda, *“Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik, maka baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah sekeliannya. Itulah hati”*.

Jelas di sini, kecerdasan emosi amat berkait rapat dengan nilai keagamaan. Apatah lagi ia dijalinkan dengan kecerdasan spiritual yang bersifat kerohanian. Kedudukan kecerdasan spiritual sebenarnya berada di aras paling tinggi kerana ia membawa manusia menjaga hubungan dengan Allah SWT, manakala kecerdasan intelek dan emosi pula membawa manusia untuk menjaga hubungan dengan dirinya sendiri, manusia lain dan alam sekitar. Sinonim dengan ini, maka antara elemen dalam kecerdasan emosi adalah kepentingan untuk mempunyai interaksi yang baik dengan individu lain.

IMPAK NEGATIF KELEBURAN KECERDASAN EMOSI (EQ)

Kesan Kepada Individu dan Keluarga

Pelajar luar bandar yang kurang pendedahan sering melihat contoh yang ada sebagai contoh yang terbaik. Sekiranya yang dihadapi adalah contoh negatif, maka mereka akan mudah terdorong melakukan tindakan yang negatif, begitu jugalah sebaliknya. Kekurangan usaha untuk memantapkan elemen dalaman emosi mereka memungkinkan mereka lahir sebagai individu yang mempunyai mentaliti tersekat, menerima perubahan dari sudut keseronokan semata-mata, kegagalan kemahiran berkomunikasi, kurang matlamat diri, tidak tahu potensi sebenar diri serta kurang menyedari fungsi dan peranan sebagai warga yang berjasa. Nilai konsep sendiri yang kurang ditekankan sehingga wujud skemata yang serba kekurangan juga menyebabkan pelajar luar bandar sering merasa agak terasing, malu untuk bersaing, rendah diri dan berfikiran negatif. Hal yang tidak seimbang ini tidak mustahil membuatkan mereka mengalihkan perhatian kepada bentuk dan cara hidup yang boleh membuatkan

mereka diterima dalam kelompok rakan sebaya, meskipun ia beriklimkan negatif. Maka impaknya, lihatlah realiti yang berlaku sekarang apabila remaja luar bandar juga ramai yang berhenti sekolah dalam usia muda, menghidu gam, kumpulan rempit, pengambilan dadah dan ganja, pergaulan bebas, ketagihan arak dan judi. Isu ini telah banyak berlaku di kawasan-kawasan luar bandar, desa dan felda di Malaysia. Impak ini memberikan kesan besar kepada negara kerana kita memerlukan remaja yang berkualiti dan mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi sebagai pelapis pemimpin negara yang berdaulat.

Kelekaan dan kelalaian akan membuatkan remaja kita lemah jiwa dan hilang matlamat diri. Ironinya selama 446 tahun negara kita dijajah barat sehingga mengakibatkan pengisian selama 446 tahun itu tidak terhenti setakat itu tetapi kesannya adalah sehingga kini apabila di mana-mana kita melihat wujudnya pengaruh barat hingga menenggelamkan jati diri rakyat kita di negara kita sendiri. Budaya hidup yang lebih bercorak hedonism berlaku di mana-mana, walhal di dalam penempatan felda sendiri yang kini telah mempunyai pusat hiburan seperti karaoke, pusat permainan snooker dan pusat permainan video. Kesannya minda dan jiwa remaja kita berterusan dijajah, berterusan menjadi mangsa pada era globalisasi dan kapitalisme yang direka khas oleh barat untuk kepentingan kuasa besar itu sendiri di rantau dunia. Keasyikan dan tumpuan yang lebih pada bentuk hidup yang seperti itu seringkali melekakan pelajar sehinggakan mereka terlupa fungsi dan peranan sebenar mereka sebagai khalifah di muka bumi yang perlu ada hubungan yang baik dengan Tuhan, hubungan baik dengan manusia lain dan juga alam sekitar. Ketidakstabilan pengisian dalam emosi dan jiwa juga memungkinkan berlakunya keretakan hubungan dan kasih sayang remaja luar bandar dengan keluarga mereka. Hubungan yang renggang dan kurang interaksi menimbulkan suasana yang agak dingin apatah pula jika ibu dan bapa bersifat agak autokratik. Rasa hormat dan menghormati yang kurang terbina dalam keluarga juga akan memberikan kesan yang tidak mesra sebagai suatu jalinan yang seharusnya utuh walau sampai bila-bila. Akibatnya keluarga akan dibelakangkan dan komunikasi yang wujud juga tiada nilai adab dan sopan.

Kesan Kepada Komuniti Sosial dan Negara

Remaja yang kosong jiwanya dengan segala pengisian yang sewajarnya memungkinkan mereka wujud dalam kelompok masyarakat sebagai racun yang amat berbisa. Ketidapekaan mereka untuk memahami diri, orang lain dan alam sekitar apatah lagi untuk merenung hakikat hidup ini membuatkan mereka berani membuat sesuatu yang bertentangan dengan tuntutan norma sosial. Oleh kerana itu, maka wujudlah pelbagai kes yang seolah-olah mencabar masyarakat untuk berfikir semula tentang kepentingan penerapan elemen kecerdasan emosi yang seharusnya bermula dari rumah, sekolah sehinggalah ke pusat-pusat pengajian tinggi mahupun komuniti masyarakat. Kes yang terbaru berlaku di kawasan Kg. Manir, Kuala Terengganu sudah cukup memperlihatkan kepada kita betapa remaja luar bandar juga telah ketandusan kecerdasan emosi untuk mengawal diri. Kes tersebut memperlihatkan beberapa orang remaja yang terlibat dengan aktiviti merempit telah melanggar dua orang pegawai polis sehingga cedera parah dalam satu operasi membanteras lumba haram (Harian Metro: 10 Januari 2009). Adakah ini lambang remaja yang mempunyai minda serta jiwa kelas pertama ataupun remaja kita hanya mampu menunjukkan nilai masyarakat yang berminda serta berjiwa kelas ketiga. Begitu juga keterlibatan remaja luar bandar dengan tindakan memijak-mijak serta membakar bendera Malaysia, sejauhmanakah hal ini serius di mata dan di hati masyarakat kita ataupun mungkin ia hanya seperti tiupan angin yang berlalu begitu sahaja tanpa memberi apa-apa kesan mendalam. Bagaimana pula dengan kejadian remaja luar bandar kita yang menggunakan batu untuk membaling dan melukakan sesama bangsa di dalam negara yang sama sebagai rakyat Malaysia yang sama, sedangkan batu untuk remaja Palestin adalah untuk mempertahankan diri dari kekejaman zionis Israel.

Hal ini mencipta keretakan dan krisis dalam komuniti sosial sehingga melemahkan masyarakat itu sendiri. Kegagalan memantapkan kecerdasan emosi untuk mempunyai hati yang bersih, positif, empati dan memahami keadaan di sekeliling mengakibatkan remaja kita jadi seperti remaja yang tiada wawasan bahkan seperti lalang di tiup angin, hilang kerasionalan dan gagal mengawal emosi serta mudah

baran apabila diprovok. Pastinya, bukan remaja yang sebegini yang kita inginkan kerana perjuangan untuk mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam negara yang melingkupi dari pelbagai aspek tidak akan pernah berakhir dan kedaulatan negara harus dijaga. Kekuatan itu adalah perlu dari sudut kekuatan ilmu, kekuatan emosi dan rohani, kekuatan ekonomi dan perpaduan sesama rakyat. Pastinya juga, kita tidak mahu remaja kita menjadi remaja yang mementingkan diri sendiri sehingga tidak dapat melihat pentingnya untuk menjadi warganegara berguna. Akibatnya tidak mustahil mereka akan mudah dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu atas kepentingan sendiri melebihi kepentingan untuk agama, bangsa dan negara. Maka tidak mustahillah wujud pelbagai kes yang menampilkan hakikat hilangnya integriti di hati sebahagian rakyat negara kita seperti kes-kes rasuah, pecah amanah, penipuan, politik wang dan kuasa serta caci mencaci sesama rakyat Malaysia. Inikah budaya yang ingin kita wariskan kepada generasi kita dan pastinya kegemilangan negara boleh musnah sekelop mata jika situasi itu yang kita biarkan berterusan.

KERANGKA KEPERLUAN KECERDASAN EMOSI (EQ) DALAM DUNIA PENDIDIKAN

Falsafah pendidikan kebangsaan telah pun menggariskan harapan untuk melahirkan insan yang berkeupayaan berfungsi sebagai bangsa Malaysia yang mencapai paras keseimbangan dari segi emosi, jasmani, rohani, mental dan fizikal, sekaligus bersepadu dengan pelbagai elemen kemahiran insaniah dan seterusnya berupaya menjadi modal insan yang terbaik untuk agama, bangsa dan negara. Daripada falsafah ini telah jelas ditakrifkan kepada kita bahawa adalah menjadi suatu keperluan untuk memastikan pelajar di negara kita bukan sahaja boleh berjaya dari segi akademik dan penguasaan intelek, akan tetapi juga semestinya boleh mencapai tahap kecerdasan dari segi pengisian jiwa yang mampan, apatah lagi keperluan untuk hidup berlandaskan pegangan agama. Kecerdasan emosi secara tafsirannya telah jelas menunjukkan bahawa wujudnya elemen-elemen pembersihan jiwa raga yang bersifat positif dan nilai-nilai murni yang perlu diaplikasikan dalam kehidupan dari satu generasi ke satu generasi sehinggakan ia menjadi suatu budaya yang mendasari corak kehidupan.

Seiring itu, usaha untuk memantapkan kecerdasan emosi di kalangan pelajar luar bandar tidak seharusnya dipandang remeh kerana pelajar luar bandar juga sama-sama berperanan sebagai warga bangsa yang berbakti untuk negara. Fungsi dan peranan mereka apabila keluar ke tengah masyarakat juga sama pentingnya dengan peranan pelajar bandar.

Pemantapan Kecerdasan Emosi Melalui Kesedaran Terhadap Diri Sendiri

Sebagai pelajar di penempatan luar bandar, cabaran pengaruh negatif sememangnya tetap wujud dan seringkali ia mencalar keutuhan budaya luar bandar yang kelihatan menjulang tinggi senario hidup bermasyarakat dan saling mengambil berat. Hal ini mengakibatkan remaja di luar bandar kini juga telah tahu untuk melakukan kesalahan-kesalahan yang melanggar norma sosial seperti mana yang remaja bandar lakukan. Dalam usaha memantapkan penerapan nilai kecerdasan emosi dalam diri, secara praktisnya, pelajar harus memahami kepentingan untuk bertanggungjawab menjaga maruah diri, berperibadi mulia dan bertingkahtlaku positif. Hasil dari didikan dan bimbingan ibu, bapa dan guru, pastinya pelajar mampu untuk menilai sendiri kekuatan dalam diri untuk menerima tuntutan sejagat tentang keperluan mempunyai nilai dalam perkembangan diri. Konsep sendiri yang terbentuk seharusnya dihalakan pada perubahan tingkah laku yang lebih diterima norma. Oleh itu, antara yang boleh diterapkan adalah seperti perlunya untuk pelajar luar bandar mempunyai perasaan yang positif terhadap diri sendiri, ibu bapa, keluarga dan individu-individu lain. Perlunya juga untuk mereka mempunyai skemata yang positif dalam kerangka minda mereka sekaligus membentuk konsep sendiri dan mandiri jati diri yang utuh dalam jiwa mereka. Pelajar luar bandar juga seharusnya mempunyai prinsip agar tidak mudah terpengaruh dengan anasir negatif. Kesedaran tentang perlunya untuk mereka berketrampilan yang bersesuaian dengan umur, masa dan keadaan adalah sangat penting sebagai suatu tanda bahawa mereka tahu di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Kesedaran yang mendalam

tentang keperluan menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara perlu ada pada setiap remaja kerana hakikatnya setiap manusia yang mempunyai makna kehidupan bukan sahaja perlu ada kecerdasan intelek akan tetapi juga perlu ada kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual yang menjadi kebiasaan sepanjang hayat. Mempelajari sejarah masa lalu dan mengenali asal usul bangsa juga adalah sangat perlu dilakukan oleh pelajar kini agar mereka mengerti bahawa tanggungjawab masyarakat Malaysia secara bersama untuk mempunyai personaliti yang unggul sehingga digeruni oleh negara luar. Islam sendiri sering menuntut umatnya sentiasa berfikir dan merenung segalanya di alam ini agar setiap satu daripadanya dapat dijadikan iktibar dan kesedaran yang berkonsepkan muhasabah diri bagi memperbaiki kesilapan.

Pemantapan Kecerdasan Emosi Melalui Keupayaan Mengurus Emosi Diri

Dalam sesebuah keluarga, adalah amat perlu ibu dan bapa memainkan peranan penting dalam membina kecerdasan emosi yang tinggi pada anak-anak. Begitu juga senario yang seharusnya wujud dalam setiap keluarga pelajar di luar bandar. Gaya dan sikap ibu bapa yang bersederhana, tegas apabila perlu untuk tegas dan boleh berlembut apabila perlu untuk berlembut akan berupaya membantu membentuk daya kecerdasan emosi yang stabil pada anak-anak. Ibu bapa juga seharusnya menjadi penggerak utama yang boleh memahami perasaan dan emosi anak-anak kerana di sini anak mereka juga akan belajar bagaimana untuk lebih memahami emosi sendiri sekaligus berkeupayaan untuk mengurus emosi secara lebih harmonis. Hasilnya, anak-anak akan tahu bagaimana untuk mengendalikan perasaan marah, kurang sabar, agresif dan kecewa agar emosi itu lebih terkawal dengan kaedah lebih positif serta tidak sampai menyusahkan diri sendiri mahupun orang lain.

Pengendalian emosi yang betul akan mewujudkan individu yang boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan lebih baik dengan orang lain. Emosi yang positif adalah datangnya dari pemikiran yang positif dan emosi boleh dikawal daripada menjadi lebih emosional apabila minda dapat berfikir secara lebih rasional. Perkaitan ini perlu difahami sebagai usaha memantapkan nilai kecerdasan emosi dalam diri setiap individu. Sebagai orang Islam pula, agak jelas keupayaan mengawal emosi membawa maksud wujudnya nilai-nilai murni sabar dan bertenang. Nilai-nilai itu yang seharusnya terpupuk sejak pelajar kecil lagi akan membolehkan pelajar itu terbiasa dengan amalan bertenang dan tabah dalam menghadapi apa juga cabaran yang melanda. Ini similar dengan kepentingan fungsi ibu bapa untuk menekankan ilmu tauhid dan agama kepada anak-anak sejak kecil agar jiwa anak terisi dan terdidik dengan amalan mulia, ibadah dan akhlak yang dituntut oleh agama buat amalan dan bekalan sepanjang hayat. Kesempurnaan didikan dan aplikasi akhlak mulia itu menjadi suatu adunan yang indah untuk dihayati secara bersama dalam sesebuah keluarga sedari anak-anak masih kecil. Begitu juga contoh dan bimbingan daripada guru di sekolah. Guru-guru seharusnya dapat menerapkan nilai dan model yang terbaik untuk pelajar-pelajar hayati, kagumi dan contohi. Kejayaan guru mengawal emosi dari terbabas sehingga membolehkan masalah disiplin pelajar dapat ditangani dengan lebih berhikmah akan menghasilkan dimensi pendidikan yang sangat dinamik. Guru yang ikhlas berinteraksi dan membimbing pelajar pasti akan ketemu hasil didikannya yang berjaya di suatu hari nanti.

Pemantapan Kecerdasan Emosi Melalui Motivasi Diri

Semua manusia perlu mempunyai motivasi samaada motivasi itu diperolehi dari rangsangan luar mahupun wujud dari dalam diri seseorang itu sendiri. Secara konsepnya, motivasi diri merupakan satu sistem saluran perasaan ke arah satu matlamat, mengawal emosi sendiri, melewati ganjaran dan menyekat dorongan. Pelajar harus bijak untuk memotivasikan emosi yang bersifat negatif dengan cara berfikir dan merancang untuk menyelesaikan masalah sekaligus berupaya menjadi medium ke arah perubahan emosi yang lebih positif. Momentum dari dalam diri pasti akan menguatkan emosi untuk jadi lebih bersemangat dan bermotivasi dalam menghadapi apa juga situasi sehingga mampu untuk mencari jalan penyelesaian yang lebih berhemah apabila berdepan dengan apa juga masalah. Dengan pengukuhan nilai motivasi diri ini, pelajar akan lebih jelas dengan hala tuju dan matlamat hidup. Visi dan

misi dalam perjuangan mencapai kejayaan akan sentiasa dijadikan landasan berasaskan semangat diri yang tidak jemu untuk terus berusaha. Insan yang bermotivasi adalah simbol pada insan yang gigih berjuang ke arah pencapaian matlamat dengan tidak membelakangkan soal etika diri dan nilai-nilai murni sejagat. Aura dan semangat itu juga mampu untuk membuatkan individu lain turut bersemangat dalam hidup.

Dalam Islam sendiri menegaskan bahawa kita perlu gigih bekerja dan berusaha seolah-olah kita akan hidup lama, dalam masa yang sama kita juga perlu rajin beribadah kepada Allah SWT seolah-olah kita akan mati esok hari. Ungkapan ini juga sudah cukup menjadi motivasi pada setiap orang jika sekiranya mereka dapat memahami, menghayati dan merenung makna di sebaliknya. Bagi ibu bapa dan guru, tidak rugi untuk sentiasa memberikan kekuatan luaran dan motivasi kepada anak-anak di rumah dan pelajar di sekolah. Tiap bait kata mempunyai makna yang tersendiri dan anak-anak mahupun pelajar dapat merasakan kekuatan itu sehingga membolehkan mereka belajar berdikari untuk mencapai matlamat hidup. Seandainya anak-anak atau pelajar berjaya menyelesaikan sesuatu dan memberikan hasil yang baik, maka tidak salah untuk ibu bapa atau guru memberikan ganjaran dan pujian sebagai tanda menghargai usaha mereka sekaligus menjadi motivasi untuk mereka terus berusaha. Penghargaan yang diberikan dalam pelbagai bentuk walau sekecil-kecilnya adalah sangat bermakna apatah pula buat anak-anak yang masih kecil sehingga mereka yakin bahawa dengan bertingklaku positif akan terus membolehkan mereka diterima dan dihargai.

Pemantapan Kecerdasan Emosi Melalui Empati

Kecerdasan emosi melalui empati adalah lebih kepada konstruk interpersonal iaitu perhubungan dan interaksi dengan orang lain. Empati merupakan suatu perasaan dan kemampuan untuk menyelami dan memahami perasaan mahupun emosi orang lain dengan mendalam. Kekuatan berempati membolehkan individu lain selesa untuk terus berinteraksi dengan wujudnya elemen percaya dan yakin. Seawal penerapan nilai ini di rumah, ibu bapa seharusnya terlebih dahulu perlu menunjukkan rasa empati dalam diri kepada anak-anak. Rasa mengambil berat, bertimbang rasa dan memahami perasaan anak-anak membuatkan anak-anak akan berasa lebih selamat dan yakin dengan peranan ibu bapa dalam keluarga. Apabila mereka membesar dalam keadaan emosi yang stabil, jiwa yang tenang dan penuh kasih sayang bersama perhatian, maka nilai sebegitu jugalah yang terdidik dalam diri dan mereka aplikasikan dalam hidup yang mendatang untuk kesinambungan kehidupan yang sejahtera. Apabila di sekolah pula, guru-guru juga sangat berkeperluan untuk melayan pelajar dengan adanya sentimen kemanusiaan serta kemahiran mendengar yang jitu apabila pelajar meluahkan rasa. Nilai empati yang pelajar perolehi di sekolah membolehkan penerapan nilai ini menjadi lebih sehati dan mantap untuk mereka terus amalkan walaupun sudah tamat sekolah kerana hakikatnya sikap yang baik seperti ini membawa seribu makna dalam kehidupan.

Pemantapan Kecerdasan Emosi Melalui Kemahiran Sosial

Hubungan sesama manusia perlu terbentuk dengan suasana yang harmonis dan hal ini dapat ditinjau melalui kemahiran bersosial. Islam sendiri telah menetapkan keperluan untuk menjaga hubungan sesama manusia dan kaedahnya adalah melalui ciri-ciri akhlak mulia seperti hormat-menghormati dan beradab sopan. Kekuatan dalam kemahiran sosial juga adalah apabila pelajar dapat memahami individu lain dengan keupayaan menterjemah perasaan seseorang sebagai suatu penanda bahawa ia difahami dan diterima dalam interaksi mahupun komunikasi. Setiap ekspresi wajah mahupun bahasa badan seharusnya mudah difahami agar berlakunya interaksi yang lebih bermakna. Bermula juga dari institusi rumah, ibu bapa seharusnya berupaya memaparkan gaya interaksi yang terbaik sesama ahli keluarga kerana anak-anak akan melihat dan menilai. Individu yang mampu berkomunikasi dengan baik serta boleh menghormati orang lain pasti mampu mewujudkan iklim yang selesa walau ke mana pun ia pergi.

Begitu juga di sekolah kerana guru-guru bertanggungjawab menerapkan elemen kemahiran sosial. Interaksi yang terjalin dengan penuh permuafakatan, tiada unsur-unsur prejudis mahupun penyakit-penyakit hati seperti berhasad dengki, adu domba, sombong dan bongkak akan pasti berupaya melahirkan masyarakat dinamis dan berkualiti pada erti kata yang sebenarnya.

HARAPAN DAN CABARAN SEMASA

Hasil perbincangan ini, jelas kepada kita bahawa keperluan untuk mewujudkan pelajar luar bandar yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi bukanlah sesuatu yang perlu dijadikan harapan terpencil akan tetapi sebagai suatu keutamaan untuk masa kini dan masa akan datang. Fungsi dan peranan pelajar luar bandar juga perlu diambil perhatian kerana mereka juga antara pelapis pemimpin pada alaf baru. Menjelang Wawasan 2020, kita gigih untuk mewujudkan negara Malaysia yang maju dan dalam masa yang sama harus jangan dilupa bahawa ia perlulah seiring dengan kemantapan kecerdasan emosi di kalangan rakyat yang mampu membentuk modal insan bertaraf dunia serta berminda kelas pertama. Menjadi harapan negara juga agar pembentukan rakyat bukan setakat memiliki kecerdasan intelektual sebagai kekuatan dari segi keilmuan, akan tetapi perlu juga dibarisi dengan rakyat yang memiliki kecerdasan emosi kerana ia merupakan kekuatan dari segi afektif yang stabil dan mampu menghadapi cabaran dengan tabah dan proaktif. Di samping itu pemilikan kecerdasan spiritual pula membolehkan rakyat menjaga hubungan dengan Tuhan sebagai suatu kekuatan rohani yang menjanjikan ketenangan jiwa yang berpanjangan serta keupayaan menjalin hubungan yang baik dengan sesama manusia dan alam sekitar. Rakyat yang mempunyai kecerdasan emosi yang mantap berupaya mewujudkan budaya dan iklim yang lebih sejahtera sebagai suatu negara bangsa yang bertamadun cemerlang, gemilang dan terbilang.

Pastinya juga kita sangat berharap negara kita tidak menjadi seperti negara-negara barat yang memang ketara memiliki segala kemudahan terbaik di dunia (*first class facilities*), penguasaan ekonomi yang dominan (ekonomi kapitalis), namun hakikatnya mengalami ketandusan nilai-nilai manusia dan kemanusiaan malahan ketandusan nilai-nilai murni sejagat. Berpunca dari pengaruh dan budaya hedonism barat, sememangnya tidak dinafikan remaja kita sangat terdedah dengan cara hidup yang melanggar norma agama dan budaya seperti pergaulan bebas, ketagihan arak dan dadah, materialistik dan egoistik malahan hidup bertunjangkan nama serta kuasa. Keadaan ini juga memungkinan kita hilang jati diri dan hilang fungsi rakyat yang sanggup berkorban untuk negara atas nama kedaulatan negara. Ketara di sini, amat besar peranan kita sebagai pendidik untuk memastikan anak didik kita di bandar mahupun luar bandar tidak terus terjerut jiwa dan minda dengan arus globalisasi barat yang mencengkam kerana realitinya globalisasi adalah didominasi oleh kuasa Israel dan Amerika. Hakikatnya juga, istilah globalisasi iaitu salah satu dari proses kapitalisme adalah falsafah ciptaan barat kerana dalam Islam, hidup manusia semestinya sentiasa ada sempadan dan batas-batasnya. Konsep kesederhanaan dalam Islam turut ditekankan agar kita tidak menjadi manusia yang berlebih-lebih dalam segala hal berbanding dengan sistem kapitalisme yang sentiasa memberikan kesan negatif merentas negara dan sempadan.

Gaya hidup yang dicipta barat itu boleh menenggelamkan keunikan agama, budaya dan tradisi rakyat kita sendiri di Malaysia apatah pula kesan dijajah selama 446 tahun masih kuat mempengaruhi sebahagian ideologi rakyat Malaysia. Cabaran ini jika gagal ditangani, maka tidak mustahil kita harus membayar modal yang sangat mahal untuk mencapai kemajuan negara ekoran mengorbankan nilai-nilai kemanusiaan sejagat sehingga wujudlah masyarakat berminda dan berjiwa kelas ketiga (*Third Class Mentality*). Pastinya juga, kita tidak mahu lagi negara dan rakyat kita terus-terusan dicemuh dan dihina sebagai masyarakat yang primitif dan kuno dalam riwayat pensejarahan hasil tulisan sarjana-sarjana barat. Sikap memandang rendah barat kepada masyarakat di Malaysia sangat ketara sejak zaman negara kita dijajah lagi. Maka seharusnya kita teguh berdiri menangkis '*double standard*' yang diwujudkan mereka kerana setiap manusia mempunyai hak untuk hidup dan bertamadun mengikut acuannya sendiri.

Keyakinan untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di peringkat antarabangsa perlu kita fahami bahawa ia perlu bermula dengan ketinggian nilai dan akhlak. Penghayatan pada ajaran agama secara bersepadu yang sememangnya membimbing umat agar memiliki akhlak yang mulia seharusnya didalami dan diamalkan dalam kehidupan seharian sebagai suatu pegangan utuh dalam setiap keluarga.

“Kamu tidak akan dapat menolong semua orang dengan hartamu tetapi berilah mereka kelapangan (kegembiraan) dengan muka manis(senyum) dan berakhlak mulia.”

- Hadis Riwayat Muslim

KESIMPULAN

Secara generalisasinya, tanggungjawab menjadikan pelajar luar bandar sebagai pelajar yang berkualiti bukan sahaja dari segi intelek, akan tetapi juga dari segi emosi serta penghayatan agama kerana ia sangat-sangat dituntut apatah lagi merekalah modal insan yang kita nantikan sebagai pewaris negara yang bermatlamat jitu. Kekuatan jiwa dan minda generasi kini menjadi lambang akan wujudlah barisan rakyat negara yang berhati waja di masa hadapan. Semoga Wawasan 2020 mampu direalisasikan dalam bentuk dan acuan negara bangsa kita sendiri yang bersifat integrasi nasional, bersama kesinambungan pada keunggulan tamadun Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal seantero dunia. Kekuatan melalui kecerdasan emosi memungkinkan wujudlah masyarakat yang berpersonaliti dan berketrampilan unggul dari segi komunikasi, penampilan, jiwa dan pemikiran sehingga tidak mustahil kita boleh muncul sebagai sebuah negara bangsa yang dikagumi.

Kesimpulannya, kekuatan kita bukanlah dari kelengkapan peralatan perang yang canggih serta bukan juga mensasarkan untuk jadi sebuah negara yang suka berperang, akan tetapi kekuatan kita bersama adalah dari segi keilmuan dan ketinggian akhlak serta perpaduan dalam masyarakat kita. Ini seharusnya wujud apabila setiap individu dapat menyumbang bukan setakat tenaga dan masa, akan tetapi turut menyumbang kepakaran, keilmuan dan pengaruh nilai akhlak yang positif yang dapat dicontohi bersama dari satu generasi ke satu generasi sebagai suatu masyarakat penyayang yang berhati mulia. Kekuatan-kekuatan yang berbentuk seperti itulah menjadi benteng utama kita menjadi sebuah negara yang mantap dan berprinsip sekaligus mampu dicontohi oleh negara-negara luar dalam jangka masa yang berterusan buat selamanya. Sabda Nabi Muhammad SAW :

“Bukan kuat orang itu dengan pergelutan. Sesungguhnya orang kuat itu ialah yang dapat mengawal dirinya ketika marah.”

- Hadis Riwayat Bukhari & Muslim -

“Orang yang paling gagah perkasa di antara kamu ialah orang yang dapat mengalahkan nafsunya pada waktu marah dan orang yang bersabar di antara kamu ialah orang yang suka memaafkan kesalahan orang lain pada hal dia berkuasa untuk membalasnya.”

- Ibnu Abiduya & Baihaqi -

RUJUKAN

- Adina, B.L. (1999). *Teaching Emotional Intelligence. Making Informed Choices*. Skylight: Arlington.
Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
Goleman, D (1998). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.

- Goleman, D (1996). *Working with Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (1997). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jas Laile Suzana Jaafar (2000). *Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja*. Ampang : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Nazar Mohamed (1992). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslow, A.H. (1954). *Motivation and Personality*. New York : Harper and Row. Publishers.
- Mohd Azhar Abd Hamid (2004). *Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi*. Bentong: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Salovey, P & Mayer, J.D (1990). *Emotional Intelligence*. Imagination, Cognition and Personality. New York: Basic Books.
- Sanitah Mohd Yusof. (2004). *Peranan EQ Dalam Bidang Pendidikan*. dalam Mohd Azhar abd.Hamid. Panduan Meningkatkan Kecerdasan Emosi. Shah Alam: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Shahizan, Tsai Chen Chien dan Saw Hooi Chin (2003). *Intrapersonal dan Interpersonal*. Bentong : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.